



UNTUK SIARAN SEGERA

10 Mac 2022

HRD Corp Lancar Forum Mengenai Pelan Tindakan Nasional Berhubung Buruh Kasar

Forum yang membincangkan isu dan cabaran mengenai kegiatan buruh paksa serta komitmen kerajaan untuk menanganinya

Seberang Jaya, 10 Mac 2022 — Human Resource Development Corporation (HRD Corp) menganjurkan Siri Forum Kebangsaannya yang pertama, bertajuk Pelan Tindakan Nasional Berhubung Buruh Paksa sebagai sebahagian daripada Hari Terbukanya, hari ini.

Forum yang disempurnakan dengan penyampaian ucaptama oleh Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan tersebut membincangkan punca serta keseriusan gejala buruh paksa di Malaysia, khususnya dalam kalangan pekerja asing, di samping peranan setiap pihak, sama ada daripada kerajaan, ahli akademik, pemain industri, organisasi masyarakat awam dan juga orang ramai untuk menanganinya.

Hadir sama, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin yang muncul sebagai ahli panel dalam forum berkenaan bersama Kaunselor Politik Suruhanjaya Tinggi British, Tom Shepperd; Timbalan Kaunselor Politik Kedutaan Amerika Syarikat, Daniel Wright; Pengasas Bersama Forum Sumber Manusia Malaysia & Pematuhan Sosial Malaysia, Arulkumar Singaraveloo; wakil Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) Josh Hong dan Pengurus Kanan Program *Responsible Business Alliance* (RBA), Khai Yau Chua. Sesi tersebut dikendalikan oleh Ketua Sekretariat Malaysia, Pengerusi Bersama Pertubuhan Masyarakat Sivil Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Mampan, Profesor Datuk Dr. Denison Jayasooria.

Ketika berucap pada majlis itu, Datuk Seri M. Saravanan berkata, memandangkan buruh paksa terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia, beliau telah bertekad untuk menangani isu ini dengan segera dan menjadikannya sebagai komitmen peribadi.

“Ini termasuk meratifikasi Protokol 2014 kepada Konvensyen Buruh Paksa ILO, 1930, dan mematuhi 11 petunjuk yang digariskan oleh ILO dalam konvensyen itu, termasuk



menyediakan pekerja dengan persekitaran hidup yang kondusif. Untuk itu, Kementerian juga mewajibkan majikan yang ingin menggajikan pekerja asing mematuhi sepenuhnya Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446)," katanya.

Tambahnya lagi, selaku Pengerusi Jawatankuasa Khas Mengkaji Pemerdagangan Buruh di bawah Majlis Antipemerdagangan Manusia dan Antipenyeludupan Migran, beliau telah mengarahkan Kementerian untuk bekerjasama dengan pihak berkaitan bagi melaksanakan langkah-langkah yang perlu bagi memerangi masalah tersebut. Ini termasuk kementerian dan agensi kerajaan lain, persatuan majikan seperti Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), ahli akademik pemain industri sektor swasta, organisasi yang tidak berdasarkan keuntungan dan masyarakat awam serta orang ramai.

Forum itu turut membincangkan Pelan Tindakan Kebangsaan Kementerian Sumber Manusia Mengenai Buruh Paksa (2021-2025) yang dilancarkan tahun lepas, khususnya empat matlamat strategiknya untuk memerangi kegiatan buruh paksa sepenuhnya dalam tempoh lima tahun akan datang.

Forum tersebut dianjurkan sempena Hari Terbuka HRD Corp 2022 yang diadakan pada 10-11 Mac 2022 di Seberang Jaya, Pulau Pinang. Acara selama dua hari itu menampilkan pelbagai aktiviti yang direka untuk menyalurkan maklumat terkini mengenai inisiatif dan tawaran perkhidmatan terkini HRD Corp kepada jurulatih, penyedia latihan, dan juga majikan berdaftarnya di samping melibatkan diri secara terus dengan orang awam dalam memenuhi keperluan pekerjaan serta penjanaan pendapatan mereka.

Orang ramai juga dijemput untuk menghadiri Pameran Kerjaya, di mana lebih 5,000 pekerjaan daripada 36 majikan terkemuka di Wilayah Utara menanti para pengunjung menerusi beberapa siri temu duga terbuka.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari www.hrdcorp.gov.my/openday.

-TAMAT-



Mengenai Human Resource Development Corporation (HRD Corp):

Human Resource Development Corporation (HRD Corp) ditubuhkan pada tahun 1993 dengan dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM). Ia kemudian diperbadankan menjadi Pembangunan Sumber Manusia Berhad pada melalui penggubalan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamannya yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) atau Human Resources Development Fund (HRDF).

Pada April 2021, HRDF telah dijenamakan semula kepada HRD Corp. Perubahan nama ini adalah cerminan tanggungjawab, arah dan misi organisasi yang baharu. Ini termasuk memperluas usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula pekerja kepada semua majikan dan individu warga Malaysia; di samping memberi peluang menjana pendapatan kepada semua komuniti yang memerlukan.

Transformasi ini sejajar dengan cita-cita HRD Corp untuk memacu aspirasi pengembangan bakat tempatan untuk jangka panjang.

Untuk maklumat lanjut, sila layari – www.hrdcorp.gov.my.